

01/01/1997

Riak kecil menjadi gelombang

Khairul Anuar Samad

KEMUNCULAN 1997 menjanjikan kecemerlangan dalam pembangunan industri teknologi maklumat (IT) negara bersesuaian dengan usaha untuk melaksanakan pelan tindakan agenda IT.

Pelan tindakan itu yang membabitkan tiga komponen utama dengan menekankan kepada masyarakat, infrastruktur dan aplikasi sudah tentu mampu merealisasikan hasrat negara dalam melahirkan masyarakat bermaklumat.

Dalam pembangunan tiga komponen itu pula, pembabitan pelaksanaan tiga hala penting iaitu membina dan memajukan infrastruktur serta infrastruktur fizikal; mewujudkan dan memperkenalkan sistem peningkatan berasaskan IT dan memberi penumpuan kepada pembangunan kemanusiaan.

Memandangkan negara menuju menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020, keadaan itu penting bagi mewujudkan masyarakat madani dalam pelbagai aspek berdasarkan acuan sendiri, iaitu merangkumi aspirasi nasional, budaya dan nilai murni serta ketimuran.

Namun, menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam membangunkannya, semua harus sedar bahawa Agenda IT itu kini diibaratkan satu perjalanan dan bukannya destinasi tertentu. Malah ia adalah sasaran yang sentiasa bergerak merangkumi pembudayaan, pembelajaran dan penggunaan IT.

Persoalannya, apakah pelan tindakan itu yang menekankan kepada tiga komponen utama mampu melahirkan masyarakat madani ala Malaysia?

Namun apa yang pasti tahun ini akan menyaksikan usaha negara untuk mengubah riak di air menjadi satu gelombang yang besar (turning ripple into tidal wave) dengan memastikan semua pihak akan turut 'basah' dalam menanganinya.

Tahun ini akan menyaksikan usaha kerajaan dalam merapatkan jurang perbezaan celik IT dengan menumpukan sasaran kepada semua peringkat masyarakat, memandangkan ia membabitkan kekayaan ilmu, bukannya wang ringgit.

Kemunculan Koridor Raya Multimedia (MSC) merangkumi kawasan seluas kira-kira 750 kilometer persegi, meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, pusat pentadbiran baru kerajaan dan bandar raya IT, Putrajaya, membabitkan pelaburan RM5.5 bilion harus membabitkan semua pihak bagi menambah nilai melalui imperatif maklumat dan input.

Antara ciri utama MSC ialah rangkaian gentian optik 100 peratus digital berkeupayaan antara 2.5GB dan 10GB yang disambungkan terus dengan negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Ia juga menawarkan perhubungan melalui satelit, pembentukan sistem rangkaian (networking) yang padu dihubung terus ke Internet.

Memandangkan MSC bermula sebagai satu koridor yang kemudiannya akan dikembangkan ke seluruh negara dan akhirnya dirangkaikan ke seluruh dunia, semua pihak mempunyai tugas masing-masing jika ingin menjadi sebahagian daripada arus IT ini.

Mereka yang ingin maju perlu mengikut arus peralihan itu atau akan ketinggalan. Untuk itu Kerajaan bertanggungjawab menyediakan aspek kemudahan asas terutama infrastruktur manakala pihak lain perlu menyediakan sokongan seperti idea atau kewangan bagi menjayakan perkembangan arus IT itu.

Menurut Ketua Eksekutif Mimos Berhad, yang juga Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Datuk Dr Tengku Azzman Shariffadeen

Tengku Ibrahim, Malaysia melihat kepada pembangunan manusia secara menyeluruh.

"Oleh itu kita perlu merangka dan melaksana satu perancangan berdasarkan acuan dan kemahuan masyarakat tempatan walaupun dengan berpandukan pelan atau contoh negara lain.

"Walaupun hasilnya membabitkan masa panjang, namun ia mampu membawa negara menjadi lebih kompetitif melalui rakyat berilmu yang sudah tentu akan mendatangkan banyak manfaat," katanya.

Dalam memastikan rakyat berilmu bersesuaian dengan perkembangan IT, sektor pendidikan harus memastikan pembangunan sekolah bestari selain penyambungan ke Internet secara menyeluruh berserta penyediaan program asas literasi komputer.

Menurut Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, Kementerian Pendidikan akan memastikan pembangunan sekolah bestari ke seluruh Malaysia yang mana projek utama tertumpu kepada sekolah Bestari di Cheras.

"Kementerian sedang membuat kajian untuk memastikan keupayaan dalam membekalkan komputer ke sekolah. Kajian itu membabitkan kos bagi setiap komputer," katanya.

Memandangkan Perdana Menteri akan berpindah ke pejabatnya di Putrajaya menjelang 1998 yang memangkinkan sepenuhnya konsep kerajaan elektronik, peningkatan infrastruktur bagi menjayakan konsep itu akan dipertingkatkan tahun ini, terutama sektor telekomunikasi.

Penggunaan teknologi sidang video (VC) sudah tentu diperluaskan antara pejabat Perdana Menteri dengan jabatan kerajaan yang lain selain penggunaannya secara meluas di sektor pendidikan.

Infrastruktur yang akan ditekankan untuk kemudahan itu membabitkan sistem rangkaian seperti teknologi sistem rangkaian jalur lebar dan teknologi pengkomputeran bergerak.

Undang-undang siber yang bakal dibentangkan di Parlimen pada persidangan akan datang turut menghangatkan perkembangan industri IT di Malaysia tahun ini.

Walaupun Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, menyatakan penangguhannya, ia tetap akan menjadi isu penting sepanjang tahun ini.

Undang-undang itu yang menjadi antara satu insentif kerajaan dalam menyokong pembangunan MSC meliputi tiga akta utama iaitu Akta Tandatanganan Digital, Akta Perlindungan Harta Intelek Multimedia dan Akta Jenayah Komputer.

Selain itu dan apa yang sudah pasti, sebahagian pelan tindakan akan terlaksana apabila Persidangan Tahunan Ketujuh Persatuan Internet (INET 97) akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada Jun depan.

Persidangan yang dijangka menarik lebih 3,000 peserta dari seluruh dunia dan membabitkan belanja RM3 juta itu mampu memberi penekanan terhadap tiga komponen pelan tindakan.

Di sini, Malaysia sebagai penganjur berupaya memainkan peranan utama bagi memastikan pandangan dan input daripada negara Asia, khasnya Malaysia, akan diambil kira dalam perkembangan Internet seterusnya.

Malahan Malaysia berupaya bertindak sebagai wakil rantau ini dalam menyumbang usaha bagi memastikan Internet itu adalah hak sejagat, bukan hanya ciptaan atau milik negara Barat.

Malaysia mampu memainkan peranan penting dalam membawa sinergi di antara negara Asia ke arah menghasilkan persekitaran Internet yang lebih baik untuk rantau ini.

Malahan INET 97 akan menjadi platform yang sesuai kepada Malaysia selain menjadikannya tumpuan masyarakat Internet seluruh dunia.

Internet yang dijangka terus berkembang akan turut menguasai perkembangan teknologi itu di Malaysia dengan beroperasi sepenuhnya

Telekom Malaysia, antara dua pembekal utama Internet negara selain Mimos Berhad.

Perkembangan pesat Internet bukan saja mengubah negara Barat seperti Amerika Syarikat malah turut menukarkan Malaysia menjadi sebuah model negara Internet.

Menurut salah seorang pengasas Sun Microsystems, Dr John Gage, Malaysia bukan sekadar meningkatkan infrastrukturnya termasuk pembinaan lapangan terbang mega bersambungan Internet lengkap dengan laluan sensor serta bandar raya baru.

"Malah Malaysia turut mengadaptasikan undang-undang bermatlamat menggalakkan kemasukan perniagaan.

"Melalui undang-undang itu ia membolehkan urusan perniagaan dipindahkan secara bebas sama ada ke dalam atau ke luar negara," katanya yang juga ketua jurutera Sun Microsystems dan salah seorang anggota NITC.

Keadaan seperti itu meyakinkan kelancaran penggunaan teknologi itu dalam usaha memangkinkan terbentuknya perniagaan elektronik yang kini digunakan secara meluas di negara Barat.

Walaupun perniagaan berkonsepkan seperti itu masih baru di Malaysia, usaha pihak tertentu terutama sektor swasta dalam mengembangkannya pasti menggerakkan negara ke arah itu.

Agenda 1997 dalam industri IT negara sudah tentu memerlukan pembabitan pelbagai pihak seperti sektor awam dan swasta tanpa membebankan kerajaan bagi mewujudkan satu kumpulan dengan menjadikannya sebagai keutamaan bagi mencapai matlamat mewujudkan masyarakat Malaysia berpengetahuan.

(END)